

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**  
**UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT DAN PENDANDAN RAMBUT**  
**(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

**Phg. P.U. 25 [Pindaan 2020]**

**UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT DAN PENDANDAN RAMBUT (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020**

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

1. Tajuk ringkas

**Phg. P.U. 8**

**UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT DAN PENDANDAN RAMBUT (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005**

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

2. Tafsiran
3. Lesen, Fi dan pemeriksaan
4. Kebersihan kedai gunting rambut dan perkakas
5. Bekalan air panas dan sejuk
6. Bekas bagi tuala kotor dan buangan tred
7. Kehendak kebersihan yang mesti dipatuhi pendandan rambut
8. Tuala muka
9. Sabun untuk cukuran
10. Cawan cukuran
11. Span tidak boleh digunakan
12. Memberhentikan pendarahan
13. Penyakit nerjangkit atau menular
14. Pensterilan alat-alat
15. Meludah
16. Binatang dilarang masuk
17. Salinan Undang-Undang Kecil hendaklah dipamerkan dalam kedai gunting rambut
18. Kesalahan

**Phg. P.U. 25 [Pindaan 2020]**

**UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT DAN PENDANDAN RAMBUT (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020**

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

Undang-Undang Kecil Baharu

19. Kegagalan mematuhi syarat lesen
20. Merampas barang
21. Mengkompaunan kesalahan

22. Tempoh dan pembaharuan lesen
23. Pembayaran balik deposit

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN

### UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT DAN PENDANDAN RAMBUT (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

#### Tajuk ringkas

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Lembaga Pembangunan Tioman) (Pindaan) 2020.**

#### Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“**dandan rambut**” termasuk potong rambut, kerinting rambut, potong-kemas, mencelup, mencukur, mensyampu dan tiap-tiap kerja seumpama itu yang biasa dilakukan oleh seseorang pendandan rambut sama ada dengan tangan, dengan alat mekanik, dengan alat elektrik atau dengan menggunakan apa-apa serbuk atau larutan atau dengan apa-apa kombinasi cara-cara itu;

“**kedai gunting rambut**” termasuk sesuatu kedai pendandan rambut dan tiap-tiap salun dan semua premis yang di dalam atau di atasnya urusan dandan rambut dijalankan;

“**larutan disinfektan**” ertinya larutan apa-apa disinfektan yang sama kekuatan racun kumannya dengan 5% larutan asid karbolik;

“**Lembaga**” ertinya Lembaga Pembangunan Tioman yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman 1997 [Enakmen No.7 tahun 1997];

“**pendandan rambut**” termasuk seorang penggunting rambut dan (semasa orang itu menjalankan kerja berkaitan dengan dandan rambut dalam kedai gunting rambut) seorang pekerja pendandan rambut;

“**Timbalan Yang Dipertua**” ertinya Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman;

“**Yang Dipertua**” ertinya Pengerusi Lembaga Pembangunan Tioman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

#### Lesen, Fi dan pemeriksaan

3. (1) Tiada suatu pun premis boleh digunakan sebagai kedai gunting rambut melainkan jika premis itu di lesen oleh Lembaga.

(2) Sesuatu lesen, melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal, adalah sah sehingga 31 Disember berikutan dari tarikh bermulanya lesen itu, tetapi boleh **diperbaharui pada atau sebelum 31 Disember** tiap-tiap tahun.

(3) Tiap-tiap orang yang berkehendakkan lesen atau pembaharuan lesen hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Yang Dipertua.

(4) Fi yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah seperti berikut –

(i)	<b>Tidak melebihi 3</b> buah kerusi gunting rambut	RM15.00 setahun
(ii)	Antara <b>4 hingga 6</b> buah kerusi gunting rambut	RM30.00 setahun
(iii)	Antara <b>7 hingga 15</b> buah kerusi gunting rambut	RM100.00 setahun
(iv)	Antara <b>16 hingga 20</b> buah kerusi gunting rambut	RM200.00 setahun
(v)	<b>Melebihi 20</b> buah kerusi gunting rambut	RM300.00 setahun

(5) Jika mana-mana orang telah **menjalankan perniagaan sebelum lesen diluluskan, fi tidak melebihi 10 kali ganda fi lesen** seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil ini hendaklah dikenakan selain daripada fi lesen biasa yang dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(6) Yang Dipertua hendaklah menyimpan suatu daftar semua permohonan untuk mendapatkan lesen atau memperbaharui lesen.

(7) Dalam masa sesuatu lesen itu masih berkuat kuasa Yang Dipertua boleh, atau permohonan pemegang lesen itu, **membenarkan supaya lesen itu dipindah milik kepada seorang yang lain.**

(8) Tiap-tiap pendandan rambut yang menjalankan perniagaan atau urusan pendandan rambut atau menjaga atau diambil bekerja sesuatu di kedai gunting rambut hendaklah **membenarkan** Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Yang Dipertua **memasuki kedai gunting rambut itu pada setiap masa yang munasabah tanpa notis** dan memeriksa kedai gunting rambut itu atau mana-mana bahagiannya dan tiada seorang pun boleh menghalang atau menyebabkan dihalang Yang Dipertua atau orang diberi masa itu daripada melakukan pemeriksaan itu.

#### **Kebersihan kedai gunting rambut dan perkakas**

4. Kedai gunting rambut, perkakas, perabut dan alatnya hendaklah pada setiap masa diselenggara dalam keadaan baik dan berada di dalam keadaan yang sungguh bersih.

#### **Bekalan air panas dan sejuk**

5. Bekalan air panas dan sejuk yang cukup hendaklah diadakan terus-menerus di tiap-tiap kedai gunting rambut semasa dibuka untuk urusan.

#### **Bekas bagi tuala kotor dan buangan tred**

6. Tiap-tiap kedai gunting rambut hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya dua bekas yang sesuai yang bertudung rapat, yang ke dalam satu daripadanya hendaklah dimasukkan semua tuala kotor dan kain-kain kotor lain selepas sahaja digunakan dan ke dalam yang satu bagi hendaklah dimasukkan semua keratan rambut dan lain-lain buangan tred dengan seberapa yang praktik selepas melayan seorang pelanggan.

### **Kehendak kebersihan yang mesti dipatuhi pendandan rambut**

7. (1) Sebelum melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah mencuci tangannya dengan sebersihnya dengan menggunakan sabun dan air bersih, dan bila perlu menggunakan berus kuku.  
  
(2) Semasa melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah memakai kot atau overall yang bersih dan padan yang berwarna putih atau berwarna lembut diperbuat daripada kain yang boleh dibasuh.  
  
(3) Tiap-tiap pendandan rambut hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan setahun sekali.

### **Tuala muka**

8. (1) Tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan fabrik-fabrik lain yang secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan yang diuntukkan bagi pelanggan hendaklah baru dan bersih.  
  
(2) Tuala muka hendaklah direndam dalam air mendidih atau diwap selama sekurang-kurangnya 5 minit dan kemudian dibasuh sebelum digunakan pada tiap-tiap pelanggan.

### **Sabun untuk cukuran**

9. Apa-apa sabun selain daripada sabun cecair atau krim cukuran atau serbuk cukuran tidak boleh digunakan bagi maksud membuat buih bagi mana-mana pelanggan yang menghendaki cukuran.

### **Cawan cukuran**

10. Cawan yang digunakan untuk mengisi air bagi membuat buih untuk cukuran hendaklah dikosongkan selepas sahaja digunakan bagi tiap-tiap pelanggan dan dicuci sepenuhnya dengan air mendidih.

### **Span tidak boleh digunakan**

11. Span atau puff bedak tidak boleh digunakan ke atas pelanggan.

### **Memberhentikan pendarahan**

12. Pendarahan hendaklah diberhentikan hanya dengan suatu stiptik yang sesuai yang hendaklah digunakan ke atas seorang pelanggan sahaja dan hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan ke dalam bekas yang disediakan untuk buangan tred.

### **Penyakit berjangkit atau menular**

13. (1) Mana-mana orang yang menghidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular, atau apa-apa ruam atau letusan berjangkit atau menular di muka, leher atau kulit kepala, hendaklah memberitahu pendandan rambut tentang adanya penyakit, ruam atau letusan itu sebelum dia membiarkan kerja mendandan rambut dijalankan ke atas dirinya.

(2) Tiap-tiap pendandan rambut, apabila diberitahu sedemikian atau apabila mendapat tahu secara lain bahawa seseorang itu menghidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau ruam atau letusan berjangkit atau menular hendaklah, semasa melayan orang itu, **menggunakan alat-alat berasingan** yang diasingkan untuk digunakan khas bagi orang-orang itu. Alat-alat itu hendaklah selepas digunakan direndam di dalam suatu larutan disinfektan selama sekurang-kurangnya 5 minit. Semua tuala, kain, atau fabrik lain yang digunakan ke atas orang itu atau overall yang dipakai oleh pendandan rambut hendaklah selepas digunakan dimasukkan ke dalam suatu larutan disinfektan atau dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya 10 minit.

(3) Seseorang pendandan rambut **yang menghidap apa-apa penyakit berjangkit** atau menular atau apa-apa ruam letusan kulit berjangkit atau menular **tidak boleh melayan** mana-mana pelanggan.

#### **Pensterilan alat-alat**

14. (1) Tiap-tiap pendandan rambut hendaklah menyebabkan semua kelengkapan bagi kegunaan am yang tersebut di bawah ini disteril mengikut cara yang ditetapkan atau dengan cara pensterilan melalui diangin lampu ungu yang diluluskan oleh Yang Dipertua –

- (a) pisau cukur, gunting dan sikat – dengan merendamkan sekurang-kurangnya 3 minit dalam larutan disinfektan;
- (b) perepang (clipper) – dengan terlebih dahulu memberus sepenuhnya gigi-gigi dengan suatu berus yang steril untuk membuang semua rambut dan kemudian mengelap gigi-gigi itu dengan sekeping kain yang telah dicelup dalam larutan disinfektan;
- (c) berus rambut – dengan merendamkan bahagian bulu atau bulu keras selama sekurang-kurangnya 3 minit dalam larutan disinfektan yang sesuai dan kemudian mengeringkan berus itu dalam ruang udara panas;
- (d) berus cukur – apabila suatu berus baru hendak digunakan, dengan merendamkan bahagian bulu keras dalam larutan formalin 10% selama sekurang-kurangnya 30 minit dan selepas itu dibilas dalam air bersih. Apabila hendak digunakan lagi kemudiannya, rendamkan bahagian bulu atau bulu keras dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya 3 minit tetapi jika bulu keras diperbuat daripada apa-apa bahan sintetik, memadaiilah membasuhnya dengan sabun dan air.

(2) Semua kelengkapan yang tersebut dalam perenggan (1) hendaklah disteril mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan itu sebelum digunakan tiap-tiap hari dan selepas sahaja digunakan ke atas tiap-tiap pelanggan.

#### **Meludah**

15. Tiada seorang pun boleh meludah ke lantai, dinding atau mana-mana tempat lain dalam kedai gunting rambut.

**Binatang dilarang masuk**

16. Tiada seorang pun pendandan rambut boleh menyebabkan atau membenarkan apa-apa binatang masuk atau tinggal dalam kedai gunting rambut.

**Salinan Undang-Undang Kecil hendaklah dipamerkan dalam kedai gunting rambut**

17. Suatu salinan Undang-Undang Kecil ini yang diletakkan dalam frame yang sesuai hendaklah pada setiap masa dipamerkan dengan cara mudah dilihat dalam tiap-tiap kedai gunting rambut dan hendaklah sentiasa dijaga dalam keadaan bersih, boleh dilihat dan boleh dibaca.

**Kesalahan**

18. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penalti sebagaimana diperuntukan dalam **seksyen 119 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]**.

**Kegagalan mematuhi syarat lesen**

19. (1) Lembaga boleh **menggantung atau membatalkan lesen** yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini jika berlaku **kegagalan mematuhi** mana-mana syarat lesen seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil ini.

**Dengan syarat** bahawa Lembaga tidak boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen melainkan jika pemegang lesen telah diberi peluang membuat apa-apa representasi bertulis yang mahu dibuatnya dalam tempoh **empat belas (14) hari**

–

- (a) dari tarikh notis pemakluman penggantungan atau pembatalan lesen **ditampal di premis pemegang lesen**; atau
- (b) dari tarikh **penerimaan notis** penggantungan atau pembatalan oleh pemegang lesen.

(2) Jika Lembaga berpendapat bahawa representasi bertulis yang diterima daripada pemegang lesen menghendaki penjelasan lanjut, maka Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen supaya memberikan penjelasan lanjut dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Setelah menimbangkan representasi pemegang lesen itu dan jika penjelasan lanjut telah diberikan, Lembaga telah berpuas hati bahawa pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana terma, syarat atau peruntukan lesen, Lembaga boleh –

- (a) **menggantung** lesen itu dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Lembaga menerima penjelasan lanjut daripada pemegang lesen; atau
- (b) **membatalkan** lesen itu mulai dari suatu tarikh sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah **memberitahu pemegang lesen** tentang butir-butir alasan yang berasaskannya lesen itu dicadangkan akan digantung atau dibatalkan –

- (a) dengan **menampal suatu salinan notis** itu di tempat yang mudah dilihat di premis berlesen itu; atau

(b) dengan **menyampaikan suatu salinan notis** itu kepada pemegang lesen.

(4) Keputusan Lembaga untuk menggantung atau membatalkan lesen adalah muktamad. Keputusan penggantungan atau pembatalan lesen hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen melalui cara yang sama sebagaimana di perenggan (3).

### **Merampas barang**

20. (1) Jika seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dirampas –

(a) kesemua atau sebahagian daripada barang yang menjadikan kesalahannya; atau

(b) mana-mana barang lain harta kepunyaan orang yang dituduh itu yang digunakan olehnya untuk melakukan kesalahan itu atau yang telah dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **Pengkompunan kesalahan**

21. (1) Jika seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Lembaga boleh dengan izin Timbalan Pendakwa Raya **mengkompaukan mana-mana kesalahan** yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini. Lembaga **boleh menetapkan kadar bayaran kompaun tidak melebihi amaun denda maksimum** bagi peruntukan kesalahan tersebut, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Jika Lembaga berniat hendak mengkompaun sesuatu kesalahan, Lembaga hendaklah **memberikan notis secara bertulis tentang niatnya** untuk berbuat demikian kepada orang itu dan boleh menyampaikan notis itu melalui apa-apa cara yang difikirkan patut dan notis itu hendaklah juga **menyatakan** –

(a) **tarikh** dan **tempat** berlakunya kesalahan itu dan **kesalahan** yang dilakukan;

(b) **jumlah wang** yang hendaklah dibayar untuk mengkompaun kesalahan itu; dan

(c) **tarikh** selewat-selewatnya jumlah wang itu **hendaklah dibayar**.

(3) Jika orang itu bersetuju supaya kesalahan itu dikompau, dia **hendaklah mengaku melakukan kesalahan** itu dan hendaklah **membayar jumlah wang** yang dinyatakan itu selewat-selewatnya pada tarikh yang dinyatakan dan berikutan dengan itu, Lembaga hendaklah **membuat suatu perintah** menyatakan bahawa kesalahan itu telah dikompau dan perintah itu hendaklah juga, **mutatis mutandis**, mengandungi butir-butir yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c).



### **Tempoh dan pembaharuan lesen**

22. (1) Sesuatu lesen melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal **hendaklah sah sehingga 31 Disember** setiap tahun.

(2) Sesuatu lesen boleh diperbaharui apabila Lembaga berpuas hati bahawa pemohon telah **menjelaskan bayaran lesen pada kadar yang ditetapkan** oleh Lembaga dan mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil ini.

(3) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui lesen bagi tahun berikutnya hendaklah dibuat **tidak lewat dari tiga bulan sebelum tempoh sah tamat**.

(4) Kelewatan menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh tiga bulan tersebut boleh dikenakan **denda sebanyak 20 peratus daripada jumlah fi lesen tahunan** yang dikenakan.

### **Pembayaran balik deposit**

23. (1) Lembaga boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen atau pada bila-bila masa selepas itu, menghendaki pemegang lesen itu membuat suatu deposit dalam apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan olehnya untuk memastikan bahawa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Lembaga boleh melucuthakkan **keseluruhan atau sebahagian** daripada deposit itu jika dia berpuas hati bahawa **telah berlaku pelanggaran** mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.